

Remaja lelaki mengaku tidak bersalah sebabkan kematian penunggang basikal



DIDAKWA: Tertuduh (kiri) bersama peguamnya Ling ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam. — Gambar

Mohd Faisal Ahmad

KUCHING: Seorang remaja lelaki berusia 19 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret semalam atas pertuduhan memandu secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian seorang penunggang basikal di Jalan Stutong di sini, minggu lalu.

Pengakuan itu dibuat tertuduh sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali.

Tertuduh yang diwakili peguam Daniel Ling dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM20,000 dengan dua penjamin tempatan.

Mahkamah menetapkan tarikh pengurusan kes pada 23 Jun 2026, selain mengarahkan tertuduh melapor diri di Balai Polis Simpang Tiga sebulan sekali.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang

bergerak lurus di lorong kiri didakwa telah melanggar seorang penunggang basikal yang berada di laluan sama sehingga menyebabkan kematian mangsa, dikenali sebagai Yeo Kheng Song, 56.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya pada 1 Mei lalu, sekitar jam 5.30 pagi di Jalan Stutong di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan boleh dihukum di bawah Akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan tidak melebihi 10 tahun serta denda antara RM20,000 dan RM50,000, jika sabit kesalahan.

Selain itu, tertuduh turut berdepan hilang kelayakan memegang atau mendapatkan lesen memandu selama tempoh tidak kurang lima tahun dan sekiranya tertuduh

memegang lesen memandu Percubaan, hendaklah dibatalkan lesen tersebut.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fillanny Siji.

Terdahulu kelmarin, Ketua Polis Daerah Kuching ACP Alexson Naga Chabu dalam satu kenyataan berkata, remaja tersebut tampil menyerah diri di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuching pada kira-kira jam 12 tengah hari.

"Susulan penyerahan diri itu, polis telah menahan dan menangkap suspek di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

"Suspek kemudian membawa polis ke lokasi kejadian serta ke sebuah bengkel di Batu 4, Kuching, tempat kenderaan dipercayai terlibat dalam kemalangan itu disimpan," katanya.